



KETUA PENGARAH PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA



03-88704009



ukk@dof.gov.my

<https://www.dof.gov.my>

HEBAHAN MEDIA

LAMAN AGRO-FOOD PERIKANAN: KREATIVITI PACU INDUSTRI PERIKANAN

1. Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melancarkan Buku Rumah Baharu Pario dan penyampaian Anugerah Inovasi 2022 di Laman Agro-Food Perikanan.
2. Pertandingan Anugerah Inovasi adalah bertujuan memberi pengiktirafan secara rasmi kepada warga Jabatan Perikanan Malaysia dan juga sektor swasta serta lain-lain badan yang telah berjaya menghasilkan projek inovasi dalam bidang perikanan. Inovasi ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.
3. Pertandingan inovasi telah menerima 12 penyertaan. Tiga penyertaan bagi kategori teknikal (kumpulan) dan sembilan penyertaan bagi perikanan terbuka (kumpulan) iaitu Politeknik Jeli Kelantan, Politeknik Sandakan Sabah dan Kolej Vokasional Ampangan, Negeri Sembilan. Penciptaan terpilih ini akan dikomersialisasikan melalui pepadanan perniagaan dan program pembiayaan di bawah AgroBank

Pemenang bagi kategori perikanan terbuka adalah;

- i. Johan - Sistem Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Perikanan (bioDOF -Map) Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber dan Agensi Angkasa Malaysia
- ii. Naib Johan - Pengira Benih Ikan (PBI) Dari Politeknik Sandakan Sabah
- iii. Tempat Ketiga -Fish Scale Remover Machine FSR 4.0) Kolej Vokasional Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan

Pemenang bagi kategori Teknikal Kumpulan adalah;

- i. Johan -pH Buffering Media Serta Penapis Biologi Daripada Sisa Pepejal Kulit Kerang- Institut Penyelidikan Perikanan Gelang Patah, Johor
- ii. Naib Johan -Sistem Menukar Air Ringkas dan Termudah (SMART) - Institut Penyelidikan Perikanan Glami Lemi, Negeri Sembilan
- iii. Tempat Ketiga-E.T.S (Easy Transport Sperm)-Institut Penyelidikan Perikanan Tanjung Demong, Terengganu

4. Jabatan Perikanan dan Dewan Bahasa Pustaka turut melancarkan Buku Rumah Baharu Pario dikarang oleh Dr Kua Beng Chu, Pegawai Penyelidik Perikanan. Buku ini menyasarkan pembaca di kalangan kanak-kanak bagi menyebarkan usaha pemeliharaan terumbu karang.

5. Hadir ke majlis pada hari ini adalah Yang Berhormat Datuk Sri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2; Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

11 Ogos 2022 (Khamis) jam 11 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my